



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## SIARAN MEDIA

### LIGA SUKAN UNITI 2023 : MOMEN EPIK PERPADUAN

---

**KUALA LUMPUR, 17 November 2023** – YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara telah **merasmikan Majlis Apresiasi dan Makan Malam Liga Sukan UNITI Tahun 2023 Peringkat Kebangsaan** di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

Terdahulu Kementerian Perpaduan Negara (KPN) telah melaksanakan **Liga Sukan UNITI Peringkat Negeri yang berlangsung pada bulan September dan Oktober lalu berjaya menyatukan lebih daripada 15,000 peserta dari seluruh Malaysia** dalam empat jenis sukan iaitu bola jaring, bola keranjang, badminton, dan futsal. Liga Sukan UNITI ini mendapat kerjasama strategik daripada pelbagai pihak antaranya Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM), Persatuan Bola Jaring Malaysia (PBJM), Persatuan Bola Keranjang Malaysia (MABA), dan Persatuan Badminton Malaysia (BAM).

**Liga Sukan UNITI Peringkat Kebangsaan adalah acara puncak yang mengumpulkan juara dari setiap negeri untuk bersaing di peringkat kebangsaan. Acara ini, yang dijadualkan berlangsung pada 18 November 2023 (Sabtu), diharapkan akan dapat mencipta momen epik perpaduan atau "Moment of Unity" sekali gus menyatukan masyarakat Malaysia.**

**Objektif utama Liga Sukan UNITI adalah:-**

- a) Menjadikan sukan sebagai elemen kepada "Moment Of Unity";
- b) Menggalakkan penyertaan dan penglibatan pelbagai kaum melalui pelaksanaan sukan UNITI; dan
- c) Memupuk semangat kerjasama berpasukan serta mengukuhkan jalinan perpaduan rakyat Malaysia melalui platform sukan.

Liga Sukan UNITI bukan sekadar kejayaan di gelanggang sukan, tetapi juga menggambarkan bagaimana **sukan mampu membina ikatan, membangunkan kecemerlangan, dan memelihara semangat kebersamaan**. Sukan adalah bahasa yang dapat menyatukan kita di luar perbezaan.

KPN berharap agar **semangat perpaduan** yang dicapai melalui Liga Sukan UNITI dapat **terus berkembang, mengalir melalui generasi-generasi, dan menjadi satu warisan positif untuk masa depan**. KPN menyeru dan mengajak semua masyarakat Malaysia **menyumbang kepada satu lagi babak dalam kisah kebanggaan dan perpaduan**.

“Saya merasakan syarat penglibatan pelbagai kaum seperti ini **wajar diteruskan bukan sahaja kepada aktiviti dan program di bawah Kementerian Perpaduan Negara malah ia juga boleh diperluaskan dalam aktiviti dan program-program yang dianjurkan oleh Kementerian dan Agensi-agensi Kerajaan lain** sebagai menyokong usaha menyatupadukan rakyat berbilang bangsa,” ujar Datuk Azman.

Turut menghadiri majlis apresiasi ini ialah mantan-mantan atlet kebangsaan bagi setiap jenis sukan yang dipertandingkan di Liga Sukan UNITI tahun 2023 seperti YBhg. Dato' Zainal Abidin Hassan, YBhg. Datuk K.Rajagobal A/L R Krishnasamy, Puan Rosmani @Rosnani binti Ismail @ Kadir, Puan Nor Aidah binti Aiffin, YBhg. Dato' Rashid bin Dato' Hj. Sidek, Puan Goh Liu Ying, Encik Ng Swee Fong, dan Encik Cheng Shee Mun.

Orang awam dijemput hadir memeriahkan acara ini pada tarikh yang dinyatakan di lokasi pertandingan yang telah ditetapkan. Ini bukan hanya acara sukan, tetapi juga satu perhimpunan semangat, kejayaan, dan perpaduan.

## **Kementerian Perpaduan Negara**

17 November 2023

---

*Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia. Terdapat tujuh (7) Jabatan/Agensi Kerajaan di bawah KPN iaitu 1. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), 2. Arkib Negara Malaysia (ANM), 3. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), 4. Jabatan Muzium Malaysia (JMM), 5. Yayasan Sukarelawan Siswa, 6. Yayasan Tunku Abdul Rahman dan 7. Yayasan Tun Razak.*

Dikeluarkan oleh:- Unit Komunikasi Korporat  
b.p.: Ketua Setiausaha  
Kementerian Perpaduan Negara  
Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569  
E-mel: [pro@perpaduan.gov.my](mailto:pro@perpaduan.gov.my)

No rujukan: KPN.UKK.100-9/1/8 Jld. 2 ( )